

TOLERANSI FIQAH SEBAGAI ASET DAKWAH

Mohammad Nidzam Abdul Kadir
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Malaysia

Mohamed Fairuz Mohamed Fathillah
Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

Norasiah Mohammad*
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik,
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Corresponding Author's Email: norasiah125@uitm.edu.my

Article history:

Received : 20 Oktober 2023
Accepted : 13 November 2023
Published : 22 Disember 2023

ABSTRAK

Dakwah kepada Islam merupakan suatu kewajipan. Dalam berdakwah, ia memerlukan dasar hikmah sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Antara hikmah dalam berdakwah ialah sikap bertoleransi dalam menangani pelbagai perbezaan pandangan ulama dalam hukum-hakam fiqah. Toleransi ini penting bagi mencapai matlamat dakwah yang lebih utama iaitu menggambarkan cara hidup Islam yang mudah diamalkan. Ini akan menarik minat masyarakat bukan muslim terhadap Islam. Kajian ini berasaskan kepada reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data diambil daripada kaedah analisis dokumen menerusi pembacaan terhadap 3 isu berkaitan bukan muslim iaitu kenajisan anjing, kenajisan khinzir dan bekas makanan yang diletakkan daging khinzir. Perbezaan pandangan ulama pelbagai mazhab diteliti berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Maklumat seterusnya akan dianalisis melalui pendekatan analisis tematik (*thematic analysis*). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sikap toleransi dalam kepelbagaian pendapat para ulama adalah dibenarkan dan ia membolehkan dakwah Islam berkembang dengan lebih baik.

Kata Kunci: Dakwah Islam; Hikmah; Khilaf; Mazhab; Toleransi

FIQH TOLERANCE AS A DAKWAH ASSET

ABSTRACT

The dakwah of Islam is an obligation. In dakwah, it requires a foundation of wisdom as stated in the Quran. Among the wisdom in preaching is the attitude of tolerance

in handling various differences in the opinions of scholars regarding Islamic laws. This tolerance is crucial to achieve the primary goal of dakwah, which is to depict an easily practicable way of life in Islam. It will attract the interest of non-Muslim communities towards Islam. This study is based on a qualitative research design. Data collection methods were derived from document analysis through reading on 3 issues related to non-Muslims: the impurity of dogs, the impurity of pigs, and containers previously used for pork. Different opinions of scholars from various schools of thought were examined using a purposive sampling method. The collected information was then analyzed through a thematic analysis approach. The study findings indicate that the tolerant attitude towards the diversity of opinions among scholars is permissible, enabling the dakwah of Islam to thrive more effectively.

Keywords: Dakwah; Wisdom; Khilaf; Mazhab; Tolerance

PENDAHULUAN

Fiqah bermaksud kefahaman. Menurut istilah, fiqah diertikan sebagai pengetahuan tentang hukum dalam agama Islam (Kamus Dewan, 2007). Isu fiqah melibatkan kehidupan masyarakat dalam kehidupan sehari-hari dalam pelbagai aspek seperti ibadat, muamalah dan sebagainya. Manakala toleransi (Kamus Dewan, 2007) ialah suatu sifat menghormati dan menerima pendapat yang berbeza. Tugas dakwah adalah tugas yang besar. Ia memerlukan ilmu pengetahuan yang mantap. Pendakwah muslim sepatutnya melengkapkan diri dengan pelbagai jenis ilmu. Antara ilmu yang penting ialah ilmu berkaitan perbezaan pendapat para ulama dan berusaha untuk bersikap toleransi demi kebaikan dakwah Islam. Tanpa sikap toleransi, banyak perkara akan menjadi tidak baik.

Fiqah adalah kefahaman berdasarkan ijtihad. Ijtihad tidaklah tetap namun ia berubah berdasarkan faktor tertentu. Maka para ulama mempunyai pendapat yang berbeza antara mereka dengan kelahiran mazhab yang berbeza. Banyak faktor yang menyumbang kepada perbezaan pendapat (Muhadir, 2010) menurut Mustafa Sa’id (1998) antaranya faktor perbezaan qiraat al-Quran, tidak mengetahui tentang hadis, keraguan terhadap kesahihan hadis, perbezaan dalam memahami nas, antara umum dan khusus, perintah, tegahan dan sebagainya.

Perbezaan pendapat di kalangan para ulama perlu dihadapi dengan sikap ketenangan, kematangan dan keinsafan. Namun sifat fanatik akan merosakkan keindahan dalam perbezaan pendapat. Fanatik ialah sikap yang percaya bahawa pendapat yang dipegangnya adalah betul manakala pendapat orang lain semuanya salah. Sikap fanatik ini akan membawa kepada permusuhan.

Suatu perkara yang amat jelas ialah kemudahan dalam beramal dengan Islam. Ini kerana Islam adalah agama yang mudah. Ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

“Sesungguhnya agama itu adalah mudah”

(Hadis al-Bukhari, no. 39)

Kemudahan dalam agama dapat dilihat dalam sifat agama yang mempunyai keanjalan. Dalam kaedah fiqah, kepayaan akan menyebabkan berlakunya kemudahan ('Abd al-Rahman al-Suyuti, 1938). Dalam konteks perbezaan pendapat, ia memberi ruang untuk masyarakat muslim memilih pendapat yang sesuai dengan suasana kehidupan zaman kini (Muhammad Firdaus, 2002). Ijtihad zaman silam diakui mempunyai kekuatan dalam aspek dalil, namun 'uruf, masa dan tempat juga mempunyai faktor dalam perubahan hukum (Md. Saleh, 2006).

Dalam riwayat sunnah, Nabi SAW memperakui perbezaan ijтиhad para sahabat dalam peristiwa Bani Quraizah. Nabi SAW bersabda (Muhammad Ibn Isma'il, 1998):

"Seseorang kamu tidak bersolat fardhu Asar melainkan di kawasan Bani Quraizah"

(Hadis al-Bukhari, no. 4119)

Maka para sahabat bersegera bertolak ke kawasan Bani Quraizah. Dalam perjalanan ke sana, waktu solat fardhu Asar telah masuk. Ketika para sahabat berbeza pendapat sama ada perlu solat Asar dahulu atau terus ke sana. Satu pendapat menyatakan bahawa mereka perlu terus ke sana namun satu lagi pendapat menyatakan bahawa mereka perlu solat dahulu. Mereka beramal berdasarkan ijтиhad mereka. Apabila perbezaan ini dimaklumkan kepada Nabi SAW, baginda tidak berkata apa-apa. Oleh itu, kepelbagaiannya pendapat merupakan satu alternatif kepada umat Islam. Ia memberikan keluasan dalam beramal dengan Islam.

Mazhab ialah corak pemikiran ijтиhad dalam memahami nas syarak. Mazhab fiqah yang empat merujuk kepada mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali. Di Malaysia, mazhab fiqah yang diguna pakai ialah mazhab Syafii. Bermazhab bermakna mengikut sesuatu pendapat dalam mana-mana mazhab secara umum. Bermazhab Syafii bermakna mengikut manhaj metodologi hukum dan ijтиhad Imam Syafii. Namun bermazhab tidak menafikan ijтиhad. Oleh itu, menurut A. Qodry (2004) dalam mana-mana mazhab didapati masih wujud ruang ijтиhad yang berbeza antara para ulama walaupun dalam satu mazhab.

Prinsip tidak terikat dengan satu mazhab bermaksud tidak membataskan pemilihan pendapat kepada sesuatu mazhab sahaja. Ini kerana setiap mazhab adalah usaha ijтиhad untuk mengikut nas syarak. Tafsiran sesuatu mazhab berpaksikan nas syarak namun ia juga dipengaruhi oleh faktor masa dan tempat. Mazhab bukanlah syariah sebaliknya syariah lebih luas dan lebih besar daripada mana-mana mazhab ('Abd al-Karim Zaydan, 1994). Bahkan dalam setiap mazhab, terdapat beberapa pendapat bagi sesuatu masalah. Contohnya dalam mazhab Syafii. Terdapat dua pendapat Imam Syafii yang dikenali sebagai *qawl qadim* dan *qawl jadid*. *Qawl qadim* ialah fatwa Imam Syafii ketika di Baghdad manakala *qawl jadid* ialah fatwa beliau ketika berhijrah ke Mesir (Mat Saad Abdul Rahman, 2011).

Prinsip untuk tidak terikat dengan satu mazhab bukanlah bermaksud bebas langsung daripada mazhab. Ini kerana setiap mazhab adalah hasil ijтиhad yang jitu dan mempunyai manhaj yang jelas berdasarkan al-Quran dan sunnah. Adalah dibimbangi budaya tidak bermazhab akan menimbulkan suatu mazhab yang baru pula (Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, 2001).

Sebaliknya prinsip untuk tidak terikat dengan satu mazhab memberi ruang untuk memilih mana-mana pendapat yang difikirkan sesuai dengan perubahan zaman. Ini bersesuaian dengan nas hadis yang menyatakan bahawa agama adalah mudah. Agama yang mudah nyata dalam amalan kehidupan. Walau bagaimanapun, jika tafsiran mazhab agak sempit dan menyukarkan maka ia bertentangan dengan dasar mudahnya agama. Oleh itu, keluasan dan keluwesan dalam bidang fiqah adalah satu keperluan (Yusuf al-Qaradawi, 2005).

METODOLOGI

Bahagian ini mengandungi 3 aspek iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kajian ini menggunakan sepenuhnya reka bentuk kajian kualitatif. Untuk pengumpulan data pula kaedah analisis dokumen dilakukan terhadap beberapa bahan kajian yang terdiri dari pandangan ulama muktabar, berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*).

Seterusnya data akan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik (*thematic analysis*). Kaedah ini melibatkan pencarian dalam keseluruhan data untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan pola berulang dalam sesuatu kajian. Kaedah ini bertujuan menggambarkan data serta melibatkan proses memilih dan membina tema bagi sesuatu kajian (Michelle & Lara, 2020). Dalam konteks kajian ini, tema-tema sepanjang perbincangan tentang toleransi dan perbezaan pendapat akan dipilih dan seterusnya dirumuskan sebagai dapatan kajian.

ISU BERKAITAN BUKAN MUSLIM

Dalam kajian ini, tiga isu dipilih untuk dianalisis sudut hukumnya dalam kepelbagaian pendapat para ulama. Tiga isu tersebut ialah kenajisan anjing, kenajisan khinzir dan bekas makanan yang diletakkan daging khinzir di dalamnya.

Kenajisan Anjing

Untuk lebih memahami prinsip bertoleransi dalam isu fiqah, permasalahan tentang kenajisan anjing merupakan contoh dekat yang sesuai untuk dikaji. Ini kerana anjing merupakan haiwan peliharaan masyarakat bukan muslim. Menurut mazhab Syafii, anjing adalah najis. Sentuhan langsung dengan anjing mewajibkan proses samak. Imam al-Ghazali menyatakan (Abu Hamid Muhammad, 2004):

“Dan haiwan semuanya dihukum suci melainkan anjing...”

Dalil yang menjadi asas bagi hukum kenajisan anjing ialah riwayat sabda Nabi SAW:

*“Dibasuh bekas apabila anjing menjilat padanya sebanyak tujuh kali,
basuhan pertamanya atau basuhan akhirnya dengan tanah”*

(Sunan al-Tirmidhi, no. 91)

Dalam riwayat hadis yang lain:

“Kesucian bekas seseorang kamu apabila seekor anjing menjilatnya bahawa dia membasuhnya sebanyak tujuh kali, salah satunya dengan tanah”

Dalam riwayat yang lain (Abu Dawud Sulayman, 2007):

“Kesucian bekas seseorang kamu apabila seekor anjing menjilatnya bahawa dia membasuhnya sebanyak tujuh kali, basuhan pertamanya dengan tanah”

(Hadis Muslim, no. 279)

Dalam satu riwayat, terdapat lafaz:

“...maka tumpahkanlah air tersebut...”

Kenajisan anjing difahami daripada hadis ini. Keterangannya ialah:

- i. Lafaz (ظهور) yang bermaksud kesucian memberi maksud bahawa bekas tersebut telah terkena sesuatu perkara yang mewajibkan basuhan. Basuhan samada kerana hadas atau najis. Dalam hal ini, basuhan adalah kerana najis.
- ii. Mulut anjing adalah najis kerana jilatan anjing menajiskan bekas yang dijilatnya.
- iii. Air yang dijilat anjing juga dihukum sebagai najis kerana terdapat riwayat hadis menyuruh agar air tersebut dibuang.

Pendapat ini memberikan kesan interaksi yang agak ketat antara masyarakat muslim dengan golongan bukan muslim. Anjing dianggap sebagai haiwan yang kotor, najis, berpenyakit dan tidak wajar didekati. Pegangan terhadap hukum kenajisan anjing menjauhkan interaksi antara muslim dengan bukan muslim.

Dalam isu fiqah, sewajarnya prinsip dalam meletakkan hukum adalah toleransi. Jika pendapat mazhab Syafii menyatakan bahawa anjing adalah najis, namun terdapat pendapat mazhab yang lain menyatakan bahawa anjing tidak najis. Maka sewajarnya atas prinsip toleransi, hukum yang digunakan dalam kehidupan seharian adalah hukum yang menyatakan bahawa anjing tidak najis.

Dalam mazhab Maliki, setiap haiwan yang hidup dihukum sebagai suci. Kaedah sama ada haiwan itu najis atau tidak ialah (Muhammad Ibn Ahmad, t.t.):

“Dan adapun haiwan, maka jika ia hidup maka ia adalah suci secara mutlaq”

Anjing yang hidup juga dihukum sebagai suci. Dalil menyatakan anjing yang hidup adalah suci seperti berikut:

1. Nas al-Quran menyatakan tentang kegunaan anjing yang terlatih untuk perburuan. Jika anjing adalah najis, sudah tentu ia tidak diharuskan penggunaan anjing perburuan. Firman Allah:

“Mereka menanyakan kepadamu tentang apakah yang dihalalkan bagi mereka?. Katakanlah bahawa dihalalkan bagimu yang baik-baik dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang buas yang telah kamu ajar dengan melatihnya untuk berburu; kamu mengajarnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepadamu. Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untukmu, dan sebutlah nama Allah atas binatang buas itu (waktu melepaskannya) ”.

(Surah al-Maidah, ayat 4)

2. Tiada riwayat hadis yang menyatakan bahawa anjing adalah najis.
3. Terdapat riwayat hadis yang menjelaskan agar dibasuh sebanyak tujuh kali. Namun terdapat riwayat yang lain menjelaskan tentang bilangan yang berbeza. Perbezaan ini menjelaskan bahawa basuhan tersebut bukan kerana kenajisan anjing.
4. Perintah agar dibasuh bukanlah kerana kenajisan anjing akan tetapi kerana mematuhi perintah sahaja. Ia disebut sebagai *ta’abudi*.

Walaupun begitu, tidaklah haram untuk bersentuhan dengan anjing. Mazhab Syafii yang menyatakan bahawa anjing adalah najis tidak mewajibkan untuk menjauhkan diri daripada anjing. Ini kerana najis wajib dijauhi ketika perlaksanaan ibadat solat dan ibadat yang memerlukan kesucian. Dalam kehidupan biasa, ia tidak wajib. Dinyatakan dalam mazhab Syafii (Al-Sayyid al-Bakri, 2002):

“Dan tidak wajib menjauhkan daripada najis pada selain solat, dan tempatnya jika tidak berlumuran dengannya (najis) pada badan atau pakaian, maka ia haram apabila tiada hajat keperluan... ”.

Kenajisan Khinzir

Khinzir dihukum sebagai najis sebagaimana anjing dalam mazhab Syafii. Imam al-Ghazali menyatakan (Abu Hamid Muhammad, 2004):

“Dan haiwan semuanya dihukum suci melainkan anjing dan khinzir... ”.

Dalil kenajisan khinzir ialah nas al-Quran yang menyatakan bahawa khinzir adalah *rijs*. Firman Allah:

“Katakanlah: "Tiadalah Aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya, kecuali kalau makanan itu bangkai, atau darah yang

mengalir atau daging babi - kerana sesungguhnya semua itu kotor - atau binatang yang disebelih atas nama selain Allah”

(Surah al-An'am: Ayat 145)

Berdasarkan ayat ini, didapati sebab pengharaman khinzir adalah kerana ia najis. Kenajisan itu disebut sebagai *rijs*.

Namun kenajisan khinzir bukanlah sesuatu yang disepakati oleh para ulama. Oleh itu, mazhab Maliki berpendapat bahawa khinzir yang hidup dihukum sebagai suci (Muhammad ibn Ahmad, t.t.). Dalam teks mazhab Maliki dinyatakan (Abu Hasan 'Ali, 2003):

“Setiap benda yang hidup maka ia adalah suci samada ia adalah manusia atau lainnya (samada ia anjing atau kinzir kerana kehidupan adalah sebab bagi kesucian...”.

Walaupun nas al-Quran menyatakan bahawa khinzir adalah *rijs*, namun lafaz *rijs* bukan hanya bermakna najis. Ini berdasarkan keterangan berikut:

1. Pertama: Dalam al-Quran, lafaz *rijs* juga dinisbahkan kepada benda tilikan dan patung berhala. Al-Quran menyatakan:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala dan mengundi nasib dengan panah adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan”

(Surah al-Maidah: Ayat 90)

Ibn 'Abbas menjelaskan bahawa *rijs* dalam ayat ini bermaksud kemurkaan (Abu 'Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi, 1996). Manakala Zayd Ibn Aslam menyatakan bahawa *rijs* bermaksud kejahanan (Abu al-Fida Isma'il, 1996).

2. Kedua: Manakala al-Quran menjelaskan tentang patung berhala:

“...maka jauhilah olehmu berhala-berhala yang najis itu dan jauhilah perkataan-perkataan dusta”

(Surah al-Hajj: Ayat 30)

Sentuhan kepada patung berhala dan alat tilikan nasib tidak mewajibkan basuhan. Ini kerana benda tersebut tidaklah najis. Oleh itu, lafaz *rijs* bukan sekadar bermakna najis tetapi mempunyai makna yang lain. Manakala majoriti ulama memahami bahawa arak adalah najis kerana disebut lafaz *rijs* ke atasnya (Abu 'Abdillah Muhammad, 1996). Ini bermaksud bahawa lafaz *rijs* bukan bermakna najis.

3. Ketiga: Terdapat juga riwayat hadis menjelaskan keharaman daging keldai. Anas Ibn Malik RA berkata:

“Pada Hari Khaybar, Nabi SAW menyuruh Abu Talhah lalu beliau berkata dengan kuat: “*Sesungguhnya Allah dan rasulNya menegah kamu semua daripada (memakan) daging keldai jinak. Sesungguhnya ia adalah rijs*”.

(Muhammad ibn Isma’il, 1995)

Terdapat perbezaan pendapat ulama dalam masalah kenajisan keldai jinak. Namun pendapat yang kuat menjelaskan bahawa keldai jinak adalah suci. Walau bagaimanapun, lafaz *rijs* digunakan sebagai sebab pengharaman keldai jinak.

CARA BASUHAN BEKAS MAKANAN YANG DILETAKKAN DAGING KHINZIR

Dalam suasana berinteraksi dengan golongan bukan muslim, terdapat kes di mana seorang mualaf tidak selesa berada bersama dengan keluarganya yang bukan muslim. Isu makanan berasaskan khinzir memang jelas keharamannya. Namun isu penggunaan gelas atau pinggan yang digunakan oleh keluarga bukan muslim menjadi isu besar kerana pernah digunakan untuk meletakkan daging khinzir. Dalam hal ini, toleransi fiqah merupakan asas yang amat penting. Dengan prinsip toleransi, hukum bahawa khinzir tidak najis ketika hidup boleh diaplikasikan. Namun timbul persoalan tentang khinzir yang sudah mati.

Khzir yang mati dihukum sebagai najis. Perkara ini jelas dalam mazhab Syafii. Manakala mazhab Maliki juga berpendapat bahawa haiwan yang mati dihukum sebagai najis. Ibn Juzayy (t.t) menyatakan:

“Dan jika haiwan itu mati maka samada ia mati secara biasa atau mati disembelih. Maka jika mati disembelih maka haiwan sembelihan yang halal dimakan adalah suci dengan sepakat, dan haiwan sembelihan yang haram dimakan menjadi perbezaan pendapat padanya. Maka jika ia mati secara biasa...dan jika ia haiwan darat yang mempunyai darah yang mengalir maka ia adalah najis dengan sepakat”.

Oleh kerana ada kesepakatan para ulama bahawa khinzir yang mati dihukum sebagai najis, timbul persoalan tentang cara untuk membersihkan pinggan yang telah diletakkan daging khinzir. Mazhab Syafii mewajibkan ia disamak. Dinyatakan dalam teks mazhab Syafii (Abu Zakaria Yahya, 2000):

“Dan pendapat yang lebih zahir wajib penggunaan tanah, dan sesungguhnya khinzir seperti anjing”.

Manakala dalam satu syarah dinyatakan:

“(Dan) pendapat yang lebih zahir (bahawa khinzir seperti anjing) dan pendapat berlawanannya bahawa memadai dalam khinzir sekali basuhan sahaja”

Teks fiqah ini menjelaskan bahawa wujud perbezaan pendapat di kalangan ulama mazhab Syafii dalam masalah basuhan khinzir. Bahkan perbezaan tersebut adalah kuat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa riwayat hadis dalam isu ini (Muhammad Ibn Isma’il, 1998):

1. Seorang sahabat bernama Abu Tha’labah bertanya kepada Nabi SAW tentang penggunaan bejana golongan ahli kitab. Nabi SAW pun bersabda:

“Adapun apa yang engkau sebutkan tentang golongan ahli kitab, maka jika kamu dapati lainnya (daripada bejana yang mereka gunakan) maka janganlah kamu makan di dalamnya. Dan jika kamu tidak dapati (bejana yang lain) maka basuhlah ia dan makanlah di dalamnya...”.

(Hadis al-Bukhari, no. 5478)

2. Satu lagi riwayat hadis yang lebih jelas menyebut tentang bejana yang digunakan untuk meletakkan daging khinzir. Beberapa sahabat bertanya persoalan kehidupan mereka yang tinggal di kawasan ahli kitab. Golongan ahli kitab makan daging khinzir dan minum arak. Maka persoalannya ialah bagaimana dengan bejana dan kuali tersebut. Nabi SAW bersabda (Abu Dawud Sulayman, 2007):

“Jika kamu dapati selain bejana tersebut maka makanlah di dalamnya. Dan jika kamu semua tidak mendapati selainnya (bejana dan kuali mereka), maka basuhlah ia dengan air dan makanlah dan minumlah”

(Sunan Abu Dawud, no. 3839)

Syarat untuk dibasuh bejana tersebut apabila diketahui bahawa ia digunakan untuk memasak khinzir. Jika tidak digunakan untuk memasak khinzir, maka tidak perlu dibasuh jika ia sudah bersih (Muhammad Syamsuddin, 1979). Manakala satu lagi riwayat berkaitan bejana makanan golongan Majusi. Nabi SAW bersabda (Abu ‘Isa, 2010):

“Bersihkan ia akan basuhan dan memasaklah di dalamnya...”
(Sunan al-Tirmidhi, no. 1796)

Berdasarkan riwayat hadis ini, jelas bahawa terdapat perbezaan pendapat dalam isu basuhan bejana yang diletakkan daging khinzir. Bahkan menurut Imam Nawawi (Muhammad, 1986):

“Pendapat yang rajih daripada sudut dalil bahawa memadai dalam khinzir oleh satu kali basuhan tanpa tanah, dan dengan demikian kata kebanyakannya ulama, dan ini yang terpilih kerana asalnya tiada wajib hingga lah datang syarak”.

APLIKASI TOLERANSI FIQAH DALAM DAKWAH

Toleransi adalah amat perlu dalam aspek berinteraksi dengan golongan bukan muslim. Ia dapat digunakan sebagai wasilah atau medium dakwah yang berkesan. Ini kerana jawapan yang diberikan oleh pendakwah muslim kepada golongan bukan muslim akan memberi gambaran umum tentang Islam kepada golongan bukan muslim. Contohnya dalam isu kenajisan anjing, secara umumnya kita dapat masyarakat bukan muslim sudah biasa memelihara anjing. Anjing adalah haiwan peliharaan yang dapat digunakan sebagai penjaga rumah, teman dan sebagainya. Oleh itu, masyarakat bukan muslim seolah-olah tidak dapat dipisahkan dengan anjing. Bahkan anjing diakui dalam al-Quran sebagai haiwan yang digunakan untuk tujuan perburuan.

Hukum kenajisan anjing akan memberikan satu impak yang berat kepada golongan bukan muslim. Sebagai muslim yang baru, kebiasaan yang lama agak sukar dibuang. Sikap yang lama iaitu sikap mesra dengan anjing tidak mudah dibuang. Mereka akan mudah menggosok anjing dan menyentuhnya. Mereka juga masih mempunyai keluarga dan kawan yang bukan muslim. Sudah tentu apabila mereka menziarahi keluarga bukan muslim dan rakan bukan muslim, maka anjing akan menjadi haiwan yang mereka temui. Kenajisan anjing memberikan satu ruang yang sukar kepada mereka. Contohnya ketika menziarahi rumah golongan bukan muslim, muslim tersebut akan berasa tidak selesa dengan kewujudan anjing. Ini kerana anjing dihukum sebagai najis. Sentuhan dengan anjing di badan atau pakaian mewajibkan samak sebagai kaedah cucian. Samak bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia memerlukan air tanah. Ini memberikan suasana tidak selesa untuk berkunjung ke rumah bukan muslim. Begitu juga jika kita berdakwah di kalangan masyarakat orang asli. Anjing berkeliaran di kawasan rumah dan kampung mereka. Para pendakwah akan jijik untuk tinggal dalam kampung yang dipenuhi anjing kerana anjing adalah najis yang wajib dijauhi. Ini menjauhkan masyarakat daripada dakwah Islam. Bagi mencapai matlamat dakwah, adalah wajar untuk mengamalkan toleransi fiqah berdasarkan pendapat mazhab Maliki iaitu anjing dihukum sebagai haiwan yang tidak najis. Ini memberi ruang keselesaan kepada mualaf dan membuka ruang yang lebih besar kepada dakwah.

Begitu juga dalam isu khinzir, sudah tentu muslim tidak akan makan daging khinzir. Namun keluarga yang bukan muslim masih lagi makan daging khinzir, barangkali bekas makanan pernah diletakkan daging khinzir di dalamnya. Mengikut kaedah asal bahawa khinzir adalah najis yang berat yang perlu disamak, maka bekas makanan tersebut juga mesti disamak. Ini memberi ruang yang sempit untuk bergaul

dan berinteraksi dengan golongan bukan muslim. Dengan mengamalkan kaedah toleransi dalam kepelbagaian pendapat para ulama iaitu memilih pendapat bahawa khinzir tidak najis dan bekas makanan yang diletakkan daging khinzir di dalamnya boleh dibasuh dengan mudah, maka ia memberi ruang yang selesa untuk muslim bergaul dengan bukan muslim. Ini akan memudahkan ruang dakwah disampaikan kepada golongan yang belum muslim.

PENUTUP

Berdakwah kepada Islam adalah tugas yang amat mulia. Tugas ini memerlukan kepada ilmu dan hikmah. Walau bagaimanapun, terdapat juga para pendakwah yang tidak memanfaatkan perbezaan pendapat di kalangan para ulama sebagai aset dakwah. Sebaliknya mereka bertelingkah bagi menegakkan pendapat yang mereka pilih. Pendapat atau pendirian mazhab yang diperjuangkan bersungguh-sungguh dengan menyalahkan pendapat dan mazhab yang lain. Akhirnya mengakibatkan dakwah khususnya kepada golongan bukan muslim tidak berjalan dengan lancar. Para pendakwah tersebut antara pendapat mazhab yang mereka amalkan dengan Islam yang lebih luas skopnya. Kajian ini membuktikan bahawa terdapat kelonggaran (*rukhsah*) dalam isu berkaitan najis anjing, najis khinzir dan bekas makanan yang berisi daging khinzir. Oleh itu, amatlah wajar untuk kita beramal dengan dasar toleransi dalam fiqah bagi mencapai matlamat utama dakwah Islam iaitu memberi gambaran bahawa mudahnya beramal dalam kehidupan beragama.

RUJUKAN

- Al-Quran al-karim.
- A. Qodry Azizy (Dr.) (2004), *Reformasi Bermazhab*, Jakarta: Penerbit TERAJU.
- Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi (1996), *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*, Qaherah: Dar al-Hadith.
- Abu Zakaria Yahya ibn Syaraf al-Nawawi (2000), *Minhaj al-Talibin*, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.
- ‘Abd al-Karim Zaydan (Dr.) (1994), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- ‘Abd al-Rahman al-Suyuti (1938), *al-Asybah wa al-Nazair*, Qaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Abu al-Fida Isma’il ibn ‘Umar Ibn Kathir (1996), *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, Mansurah: Maktabah al-Iman, juz. 3, h. 110.
- Abu Dawud Sulayman ibn al-Asy’ath al-Sajastani (2007), *Sunan Abi Dawud*, Riyad: Maktabah al-Ma’arif.
- Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali (2004), *al-Wajiz*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu Hasan ‘Ali al-Maliki (2003), *al-Muqaddimah al-‘Izziyyah li al-Jama’ah al-Azhariyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu ‘Isa al-Tirmidhi (2010), *Sunan al-Tirmidhi*, Riyad: Dar Turaiq.
- Al-Sayyid al-Bakri ibn Muhammad al-Dimyati (2002), *Hasyiah I’anah al-Talibin*, Beirut: Dar al-Fikr.

- Kamus Dewan* (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi 4.
- Mat Saad Abdul Rahman (Dr.) (2011), *Abu ‘Abdullah Muhammad bin Idris al-Muttalibi al-Shafi’i*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM).
- Md. Saleh Hj. Ahmad (2006), *Hukum Islam & Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- Michelle E. Kiger & Lara Varpio (2020): Thematic analysis of qualitative data: AMEE Guide No. 131, Medical Teacher, DOI: 10.1080/0142159X.2020.1755030
- Muhadir bin Haji Joll (2010), *6 Perkara Asas Memahami Khilafiyah*, Petaling Jaya: Mawleed Publishing.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda (Dr.) (2002), *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*, Selangor: Thinker’s Library.
- Muhammad ibn ‘Abd al-Rahman al-Syafi’i (1986), *Rahmah al-Ummah fi ikhtilaf al-Aimmah*, Qaherah, Mustafa al-Halabi.
- Muhammmad ibn Ahmad ibn Juzayy (t.t.), *Qawanin al-Ahkam al-Syar‘iyyah*, Qaherah: ‘Alam al-Fikr.
- Muhammad Ibn Isma’il al-Bukhari (1998), *Sahih al-Bukhari*, Qaherah: Dar al-Hadith.
- Muhammad ibn Isma’il al-San’ani (1995), *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Sa’id Ramadan al-Buti (2001), *Bahaya Bebas Mazhab*, terj.Abdullah Zakiy al-Kaaf, Bandung.
- Muhammad Syamsuddin al-Haq ‘Azim (1979), *‘Awn al-Ma’bud Syarh Sunan Abi Dawud*, Beirut, Dar al-Fikr.
- Mustafa Sa’id al-Khin (Dr.) (1998), *Athar ali-khilaif fi al-Qawa’id al-Usuliyyah fi ikhtilaf al-Fuqaha*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Yusuf al-Qaradawi (Dr.) 2005), *Fi Fiqh al-Aqalliyyat al-Muslimah*, Qaherah: Dar al-Syuruq.